

SOALAN LAZIM KEANGGOTAAN

1. Bagaimanakah cara menyemak baki syer?

Baki syer boleh disemak melalui kaedah berikut :

- Aplikasi **e-Semakan** di laman web CBP
- Aplikasi **MYCoopbank** di telefon pintar
- Kunjungi cawangan-cawangan CBP

2. Bilakah dividen akan dibayar?

Bayaran dividen setiap tahun akan dikreditkan ke akaun simpanan anggota selepas mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

3. Apakah asas kaedah pengiraan dividen CBP?

Kaedah pengiraan dividen syer biasa adalah berdasarkan **baki terendah syer anggota yang genap tempoh satu bulan kalendar** mengikut **tempoh purata pegangan bulanan** (pro-rata).

4. Bagaimanakah kaedah pengiraan dividen syer biasa?

Contoh situasi :

- *Anggota depositkan syer sebanyak RM1,000*
- *Kadar dividen adalah 6.1%*
- *Pengiraan adalah berdasarkan tarikh transaksi ke akaun syer CBP*

Menjadi anggota genap 1 tahun	Menjadi anggota pada 1 Jun 2021	Menjadi Anggota pada 2 Jun 2021
Dividen = RM1,000 x 12/12 X 6.1%= RM61	Dividen = RM1,000 x 7/12 X 6.1%= RM35.58	Dividen = RM1,000 x 6/12 X 6.1% = RM30.50

5. **Berapakah dividen CBP bagi 3 tahun terakhir?**

TAHUN	SYER BIASA
2019	5.5 %
2020	6.0 %
2021	6.1%

6. **Adakah dividen yang diterima perlu dizakatkan?**

Tidak perlu. Kefardhuan zakat dividen telah gugur. Jawatankuasa Syariah CBP telah mengesahkan bahawa dividen yang diterima oleh anggota tidak wajib dizakatkan lagi kerana Islam tidak mensyariatkan kewajiban zakat sebanyak dua kali daripada harta dan haul yang sama setelah CBP menunaikan zakat perniagaan bagi haul tahun kewangan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Seandainya anggota menyimpan dividen tersebut sebagai harta simpanan sehingga cukup haul berikutnya, zakat difardhukan ke atas harta simpanan anggota atas taklif dan tanggungjawab anggota sendiri bagi haul-haul zakat yang seterusnya.

7. **Sekiranya saya telah membuat permohonan berhenti anggota, adakah saya layak menerima dividen?**

Menurut UUK perkara 73 (1) Pembayaran dividen mengikut syarat-syarat yang diperbuat di bawahnya kepada anggota di atas syer yang genap bayarannya dan masih ada dalam daftar nama anggota Co-opbank pada tiga puluh satu haribulan Disember tahun kewangan berkenaan. Apa-apa kadar dividen yang dibayar atas syer anggota adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya. Seseorang yang namanya tidak ada dalam daftar nama anggota Co-opbank pada tarikh pengisytiharan dividen berkenaan tidak layak untuk mendapat dividen.

8. Apakah kepentingan penama?

Selaras dengan Perkara 18 (1) UUK CBP yang menetapkan ***“Tiap-tiap anggota individu hendaklah menamakan seorang penama di sisi Undang-undang untuk menerima wang yang terhak baginya di dalam Co-opbank bagi diagihkan kepada waris yang berhak setelah anggota itu meninggal dunia”***.

Oleh itu setiap anggota individu dikehendaki menamakan seorang penama di kalangan waris bagi menerima dan mengagihkan jumlah baki syer selepas seseorang anggota individu meninggal dunia. Ini selaras dengan kepentingan pentadbiran harta pusaka menurut hukum Islam kepada waris-waris yang layak.

9. Adakah saya boleh mengeluarkan sebahagian dari syer saya jika ada keperluan mendesak ?

- Setiap anggota CBP yang telah genap satu (1) tahun menjadi anggota adalah dibenarkan memohon pengeluaran sebahagian syer yang dimilikinya.
- Pengeluaran sebahagian syer hanya boleh dilakukan sekali dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh diluluskan menjadi anggota atau satu (1) tahun dari tarikh pengeluaran terdahulu.
- Permohonan pengeluaran sebahagian syer boleh dibuat di mana-mana cawangan CBP dengan mengemukakan surat permohonan pengeluaran sebahagian syer berserta dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.
- Pengeluaran sebahagian syer adalah terhad sehingga baki syer anggota tersebut tidak kurang daripada baki syer minimum sebagaimana perkara 61 UUK.

10. Bolehkah anggota membuat pindahan syer kepada waris / anggota lain?

- Mana-mana anggota CBP boleh memindahkan syernya yang melebihi had syer minimum kepada anggota CBP yang lain sama ada secara jual beli atau hibah (hadiah).
- Permohonan pindahan syer secara hibah hanya akan dikuatkuasakan setelah borang pindahan syer telah ditandatangani oleh anggota CBP yang lain itu dan telah didaftarkan oleh CBP.

- Bagi pindahan syer secara jual beli, permohonan pindahan syer hanya akan dikuatkuasakan setelah pembeli mengemukakan kepada CBP salinan bukti pembayaran kepada penjual berhubung pembelian syer yang berkenaan.
- Kedua-dua pihak pemberi/penjual dan penerima/pembeli perlu menandatangani lafaz sighth akad dan memahami terma serta syarat yang terkandung di dalam borang pindah milik syer.
- Bagi anggota (pemberi/penjual) yang masih mempunyai pembiayaan dengan CBP, pindah milik yang dibenarkan adalah sehingga had baki syer minima anggota berkenaan sahaja.
- Anggota (pemberi/penjual) yang tiada pembiayaan dengan CBP dibenarkan membuat pindah milik syer melibatkan kesemua jumlah baki syernya. Setelah proses pindahan syer disempurnakan, anggota berkenaan (pemberi/penjual) akan terhenti keanggotaannya.
- Syer anggota individu yang meninggal dunia boleh dipindahkan kepada penama tertakluk kepada perkara 18(2) UUK. Permohonan pindahan syer simati kepada penama hendaklah dibuat dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kematian anggota tersebut.

11. Apakah manfaat yang ditawarkan kepada anggota CBP?

Anggota yang telah genap 2 tahun keanggotaannya layak menikmati manfaat yang ditawarkan oleh CBP. Antaranya ialah:

SKIM KEANGGOTAAN	JUMLAH MANFAAT
Skim Khairat	RM1, 500.00
Skim Bantuan Am	RM500.00
Skim Elaun Hospital	RM20/hari (Maksima RM600)
Skim Penyakit Kritikal	RM500.00
Skim Hadiah Kesetiaan 20 Tahun	RM300.00
Skim Dermasiswa Dato' Haji Yusoff Hilmi	RM1, 000.00 (SPM 8A+ dan ke atas) RM1, 500.00 (Ijazah Sarjana Muda PNGK 3.67)

Kesemua manfaat diatas hanya boleh dinikmati sekali sepanjang tempoh keanggotaannya.